


**GARIS PANDUAN PENUBUHAN
SEKOLAH RENDAH AKADEMIK DAN SEKOLAH MENENGAH AKADEMIK****PRIMARY ACADEMIC SCHOOL AND SECONDARY ACADEMIC SCHOOL
ESTABLISHMENT GUIDELINE**

Sekolah Swasta Akademik: Sekolah yang menawarkan pendidikan wajib peringkat rendah bagi murid berusia 6 hingga 12 tahun dan pendidikan peringkat menengah bagi murid berusia 13 hingga 19 tahun menggunakan kurikulum kebangsaan.


Private Academic School: Schools that offer compulsory primary education for pupils aged 6 to 12 and secondary education for pupils aged 13 to 19 using the national curriculum.


BIL. <i>No.</i>	PERKARA <i>Item</i>	SYARAT-SYARAT <i>Conditions</i>
a)	Pemohon <i>Applicant</i>	<p>a) Pemohon hendaklah warganegara Malaysia. <i>Applicant must be a Malaysian citizen.</i></p> <p>b) Jika pemohon bukan pemilik, maka pemilik hendaklah melantik pemohon secara rasmi. <i>If the applicant is not the owner, the owner has to officially appoint the applicant.</i></p> <p>c) Pemohon yang dilantik bertanggungjawab berurusan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menguruskan permohonan. <i>The applicant is responsible in dealing with the application to the Ministry of Education Malaysia.</i></p>
b)	Pemilik <i>Ownership</i>	<p>Kategori A: Syarikat Sendirian Berhad <i>Category A: Private Limited Company</i></p> <p>a) Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). <i>A Private Limited Company established in Malaysia and registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM).</i></p> <p>b) Aktiviti syarikat berkaitan dengan pendidikan hendaklah jelas dinyatakan dalam <i>Memorandum and Article (M&A)</i> atau dokumen setara dari SSM. <i>Education activities must be clearly stated in the company's Memorandum and Article (M&A) or other relevant documents from CCM.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>Kategori B: Pertubuhan/ Persatuan <i>Category B: Organisation/ Society</i></p> <p>a) Pertubuhan/ Persatuan yang ditubuhkan di Malaysia dan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). <i>Organisation/ Society established in Malaysia and registered with the Registrar of Societies (ROS).</i></p> <p>b) Aktiviti pertubuhan/ persatuan berkaitan dengan pendidikan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan pertubuhan/ persatuan. <i>Educational activities must be clearly stated in the organisation/ society charter/ constitution.</i></p> <p>Kategori C: Yayasan <i>Category C: Foundation</i></p> <p>a) Yayasan yang ditubuhkan di Malaysia dan berdaftar dengan salah satu agensi berikut: <i>A foundation established in Malaysia and registered with one of the following agencies:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="699 1133 1382 1308">i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Syarikat Berhad menurut Jaminan; <i>Companies Commission of Malaysia (CCM) as a Company Limited by Guarantee (CLBG);</i> <li data-bbox="699 1346 1382 1485">ii. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri; atau <i>Legal Affairs Division, Prime Minister's Department; or</i> <li data-bbox="699 1523 1382 1592">iii. <i>Labuan Foundation Act.</i> <i>Labuan Foundation Act.</i> <p>b) Aktiviti yayasan berkaitan dengan pendidikan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan yayasan. <i>Educational activities must be clearly stated in the organisation/ society charter/ constitution.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>Kategori D: Koperasi <i>Category D: Co-operative</i></p> <p>a) Koperasi yang ditubuhkan di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). <i>Co-operative established in Malaysia and registered with Malaysia Co-operative Societies Commission (MCSC).</i></p> <p>b) Aktiviti koperasi berkaitan dengan pendidikan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 9 . <i>Educational activities must be clearly stated in the Co-operative By-Laws Section 9.</i></p>
3.	<p>Modal berbayar/ Ekuiti/ Status keuangan <i>Paid-up capital/ Equity/ Financial status</i></p> 	<p>Kategori A: Syarikat Sendirian Berhad <i>Category A: Private Limited Company</i></p> <p>a) Modal berbayar minimum: RM100,000.00 <i>Minimum paid-up capital: RM 100,000.00</i></p> <p>b) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen rasmi terkini SSM yang menunjukkan jumlah modal berbayar. <i>Applicant must submit the latest official document from CCM stating the current paid-up capital.</i></p> <p>c) Ekuiti hanya boleh dimiliki oleh warganegara Malaysia. Ekuiti bumiputera hendaklah sekurang-kurangnya 30% dan perlu dipatuhi pada setiap masa. <i>Equity holders must be Malaysian citizens. Bumiputera equity must be a minimum of 30% and maintained at all times.</i></p> <p>Kategori B: Pertubuhan/ Persatuan <i>Category B: Organisation/ Society</i></p> <p>a) Pembuktian status kewangan terkini sekurang-kurangnya RM100,000.00 melalui dokumen rasmi kewangan pertubuhan/persatuan yang diaudit. <i>Proof of organisation/ society audited current financial status of at least RM100,000.00.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>Kategori C: Yayasan <i>Category C: Foundation</i></p> <p>a) Pembuktian status kewangan terkini sekurang-kurangnya RM100,000.00 melalui dokumen rasmi kewangan yayasan yang diaudit. <i>Proof of foundation audited current financial status of at least RM100,000.00.</i></p> <p>Kategori D: Koperasi <i>Category D: Co-operative</i></p> <p>a) Pembuktian status kewangan terkini sekurang-kurangnya RM100,000.00 melalui dokumen rasmi kewangan koperasi yang diaudit oleh juruaudit yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). <i>Proof of current financial status of at least RM100,000.00 audited by a Malaysia Co-operative Societies Commission (MCSC) registered auditor.</i></p>
4.	<p>Lokasi, Premis, Tanah dan Kemudahan <i>Location, Premises, Land and Facilities</i></p>	<p>a) Hak milik sendiri, sewaan, pajakan atau wakaf/derma. <i>Private, rented, lease or wakaf/ donated property.</i></p> <p>b) Sekiranya premis yang dicadangkan adalah: <i>If the proposed premises is:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. institusi pendidikan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia; atau <i>a registered education institution under any written law in Malaysia; or</i> ii. dimiliki oleh mana-mana agensi kerajaan <i>owned by any government agency</i> <p>surat kebenaran penggunaan premis sebagai institusi pendidikan swasta daripada pihak kawal selia yang berkenaan hendaklah dikemukakan. <i>a letter of approval on the use of premises as a private education institution from the governing body must be submitted.</i></p> <p>c) Setiap sekolah hendaklah mempunyai keluasan minimum binaan premis seperti berikut: <i>The school must have the following minimum built-up area:</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>i. Sekolah Rendah: 5,000 kaki persegi <i>Primary school: 5,000 square feet</i></p> <p>ii. Sekolah Menengah: 5,000 kaki persegi <i>Secondary school: 5,000 square feet</i> *kiraan saiz bilik darjah merujuk kepada kadar minimum yang dicadangkan oleh International Institute of Educational Planning (IIEP), UNESCO. <i>*the class size calculation refers to the minimum rate recommended by the International Institute of Educational Planning (IIEP), UNESCO.</i></p> <p>d) Keluasan binaan tidak termasuk laluan awam premis, kawasan awam yang merangkumi kemudahan di luar premis, tempat letak kereta dan jalan dalam premis. <i>The built-up area excludes off-premises corridors and public areas; i.e. off-site facilities, parking and roads within the premises.</i></p> <p>e) Bilangan minimum bilik darjah: <i>Minimum number of classrooms:</i></p> <p>i. Sekolah Rendah: 6 buah <i>Primary school : 6 classrooms</i></p> <p>ii. Sekolah Menengah: 5 buah <i>Secondary school: 5 classrooms</i></p> <p>f) Jumlah murid tertakluk kepada keluasan bilik darjah dengan bilangan maksimum 30 orang. <i>Total number of pupils per classroom is subjected to the size of the room with a maximum of 30 pupils.</i></p> <p>g) Bilik-bilik khas yang wajib disediakan adalah pejabat/ bilik pentadbiran, bilik guru besar/ pengetua, bilik guru, kantin/ ruang makan, surau/ bilik solat, bilik persediaan dan makmal sains (berdasarkan aliran yang ditawarkan), bilik/ makmal komputer, bilik sakit/ rawatan/ isolasi, tandas, bilik mesyuarat/ perbincangan, perpustakaan/ pusat sumber, serta bilik-bilik lain mengikut keperluan kurikulum. <i>Compulsory rooms to be provided are office/ administration room, principal room, staffroom, canteen/ dining area, surau/ prayer room, preparation room and science lab (based on stream offered), computer lab, sick bay/ treatment room/ isolation room, toilet, meeting/ discussion room, library/ resource centre and other rooms required by the curriculum.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>h) Menyediakan dewan serbaguna/ tapak/ gelanggang/ padang permainan untuk aktiviti kokurikulum. <i>Provide multipurpose hall/ playground/ court/ field for co-curricular activities.</i></p> <p>i) Premis yang dibenarkan adalah bangunan yang dikhususkan untuk aktiviti pendidikan. Blok/ Unit yang digunakan tidak terpisah oleh entiti lain atau laluan awam. <i>Only purpose-built buildings for educational activities are allowed. Blocks/ Units must be intact and not separated by other entities or public access.</i></p> <p>j) Lokasi, penggunaan tanah dan premis adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dan Ketua Pendaftar. <i>Location, use of land and premises are subjected to the approval of the Local Council and the Registrar General.</i></p> <p>k) Kawasan persekitaran hendaklah bersesuaian, kondusif dan selamat untuk menjalankan aktiviti pendidikan. <i>The surrounding area must be suitable, conducive and safe for educational activity.</i></p> <p>l) Kemudahan tambahan (diwajibkan): <i>Additional facilities (compulsory)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lobi Utama/ Meja Sambut Tetamu <i>Main Lobby/ Reception Area</i> ii. Sistem kehadiran <i>Attendance system</i> iii. Pondok/ Kaunter Pengawal Keselamatan <i>Security Guard Post/ Counter</i> iv. Ruang mengambil dan menurunkan murid (Sekurang-kurangnya tiga (3) lot parkir sekiranya menggunakan bangunan komersial) <i>Pupils' pick-up and drop-off area (A minimum of three (3) parking bays for commercial building)</i> v. Laluan kecemasan dan tapak berkumpul <i>Emergency exit and assembly point</i>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>m) Kemudahan tambahan (digalakkan): <i>Additional facilities (preferred):</i></p> <p>i. Sistem televisyen litar tertutup (CCTV) *Tertakluk kepada pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) <i>Close circuit television system (CCTV)</i> *Subject to the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA)</p>
5.	<p>Nama Institusi <i>Name of institution</i></p> 	<p>a) Nama bagi sekolah swasta hendaklah mengikut ketetapan berikut: <i>The name of the proposed school must be:</i></p> <p>i) “Sekolah Rendah ...”</p> <p>ii) “Sekolah Menengah ...”</p> <p>b) Penggunaan nama khas hendaklah disertakan dengan dokumen kebenaran penggunaan nama tersebut daripada pihak yang berkaitan. <i>The use of a proper noun requires approval from the respective individual/ authority.</i></p> <p>c) Paparan nama sekolah hendaklah mengikut nama seperti di dalam perakuan pendaftaran. <i>The signage of the school must follow the official registered name.</i></p>
6.	<p>Kurikulum <i>Curriculum</i></p>	<p>Menggunakan kurikulum kebangsaan di mana bahasa pengantarnya adalah Bahasa Melayu. <i>Implement the National Curriculum with Bahasa Melayu as the medium of instruction.</i></p>
7.	<p>Lembaga Pengelola <i>Board of Governors</i></p>	<p>a) Lembaga Pengelola hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli dengan bilangan ganjil termasuk Pengerusi. <i>The Board of Governors must consist of a minimum of five (5) members or any odd number including the Chairman.</i></p> <p>b) Pengerusi hendaklah warganegara Malaysia. <i>Chairman must be a Malaysian citizen.</i></p> <p>c) Guru Besar/ Pengetua tidak boleh dilantik sebagai Lembaga Pengelola. <i>The Principal/ Headmaster cannot be appointed as a member of the Board of Governors.</i></p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>d) Guru Besar/ Pengetua akan bertindak sebagai Setiausaha. <i>The Principal/ Headmaster will act as the Secretary.</i></p> <p>e) Ahli Lembaga Pengelola (ALP) tidak boleh dilantik sebagai guru. <i>Members of the Board of Governors cannot be appointed as a teacher.</i></p> <p>f) ALP hendaklah lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>Members of the Board of Governors must pass the Royal Malaysia Police security check.</i></p> <p>g) Semua ALP yang telah diluluskan pelantikannya hendaklah mempunyai permit. <i>All appointed members of the Board of Governors must possess a permit.</i></p>
8.	Surat Cara Pengelolaan <i>Instrument of Government</i> 	<p>a) Sekolah hendaklah mengemukakan Surat Cara Pengelolaan bersama-sama permohonan pendaftaran institusi pendidikan. <i>The Instrument of Government must be attached with the application of registration.</i></p> <p>b) Sebarang pindaan kepada Surat Cara Pengelolaan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar. <i>Any amendments to the Instrument of Government must be informed to the Registrar General.</i></p>
9.	Murid <i>Pupils</i>	<p>a) Pengambilan murid hendaklah mengikut kohort umur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. <i>Recruitment of pupils must adhere to the age cohort specified by Ministry of Education Malaysia.</i></p> <p>b) Murid bukan warganegara hendaklah mempunyai pas kemasukan yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia semasa belajar di sekolah swasta. <i>Foreign pupils must possess a valid entry pass from the Immigration Department of Malaysia.</i></p>
10.	Guru Besar/ Pengetua <i>Principal</i>	<p>a) Sekolah swasta hendaklah melantik seorang Guru Besar/ Pengetua yang bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran kurikulum.</p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>A headmaster/ principal must be appointed as the person responsible to manage curriculum administration.</i></p> <p>b) Guru Besar/ Pengetua hendaklah: <i>The Principal must:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. warganegara Malaysia; <i>be a Malaysian citizen;</i> ii. mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat diploma; <i>possess a minimum academic qualification at diploma level;</i> iii. mempunyai kelayakan ikhtisas sekiranya mengajar. <i>possess a professional qualification in education;</i> iv. mempunyai permit mengajar jika diperlukan untuk mengajar. <i>possess a teaching permit if required to teach.</i> v. sihat fizikal dan mental serta diperakui oleh pengamal perubatan di Malaysia; dan <i>be physically and mentally fit, and certified by a medical practitioner in Malaysia; and</i> vi. lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>pass the Royal Malaysia Police security check.</i> <p>c) Seorang Guru Besar/ Pengetua hanya boleh mentadbir sebuah (1) sekolah dalam satu masa. <i>A Principal is only allowed to manage one (1) school at any particular time.</i></p>
11.	Guru <i>Teachers</i>	<p>a) Guru perlu mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum. <i>Teachers should possess the required academic qualifications.</i></p> <p>b) Guru yang mengajarkan bidang Pendidikan Islam hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN).</p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>Teachers teaching any field of Islamic Education need to be approved by the respective State Religious Authority.</i></p> <p>c) Guru hendaklah sihat fizikal dan mental serta diperakui oleh pengamal perubatan di Malaysia. <i>Teachers must be physically and mentally fit, and certified by a medical practitioner in Malaysia.</i></p> <p>d) Semua guru hendaklah mempunyai permit mengajar. <i>All teachers must possess teaching permits.</i></p> <p>e) Lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>Pass the Royal Malaysia Police security check.</i></p> <p>f) Bagi pengambilan guru bukan warganegara: <i>Non-citizen teachers recruited by the school must:</i></p> <p>i) berumur 22 tahun ke atas; <i>be 22 years old and above;</i></p> <p>ii) mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat ijazah sarjana muda; <i>possess at least a bachelor's degree;</i></p> <p>iii) mempunyai kelayakan ikhtisas seperti berikut : <i>possess one of the following professional qualification:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • ijazah/ diploma/ sijil dalam bidang pendidikan dengan minimum 3 tahun pengalaman mengajar; ATAU <i>degree/ diploma/ certificate in education and possess at least three (3) years experience in teaching; OR</i> • sijil kejurulatihan dalam bidang berkaitan bagi permohonan jawatan jurulatih sukan/ kokurikulum dengan minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang tersebut; ATAU <i>coaching certification in fields related to the position of sports/ co-curricular</i>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>trainers/ coaches and possess at least three (3) years experience in the related field; OR</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • berpengalaman mengajar di mana-mana institusi pendidikan sekurang-kurangnya 10 tahun. <i>teaching experience of at least 10 years in any institution.</i> <p>iv) sekolah hendaklah mengemukakan permohonan surat sokongan bagi tujuan mendapatkan pas pengajian daripada Jabatan Imigresen Malaysia. <i>schools need to submit an application for a letter of support prior to the application of work permits from the Immigration Department of Malaysia.</i></p>
12.	<p>Yuran dan bayaran lain <i>Fees and additional charges</i></p> 	<p>a) Kadar yuran yang dikenakan hendaklah bersesuaian dengan lokasi dan kemudahan pembelajaran yang diberikan. <i>Fees charged must be based on the location as well as learning facilities provided.</i></p> <p>b) Struktur yuran dicadangkan diselaraskan mengikut kategori tetap seperti berikut: <i>The proposed fee structure must adhere to these categories:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Yuran Kemasukan (jika perlu) cth.: Ujian Kemasukan <i>Admission fee (if necessary) e.g.: Placement Test</i> ii) Yuran Pendaftaran <i>Registration fee</i> iii) Deposit <i>Deposit</i> *Sekali dan dikembalikan jika memenuhi syarat yang telah dipersetujui oleh pihak sekolah dan ibu bapa/ penjaga. <i>*Once and refundable upon terms and conditions agreed by the school and parents/ guardians.</i> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Rendah – tidak melebihi RM1,000.00 <i>Primary school – not more than RM1,000.00</i>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Menengah – tidak melebihi RM3,000.00 <i>Secondary school – not more than RM3,000.00</i> <p>iv) Yuran pengajian (tahunan) <i>Tuition fees (annual)</i></p> <p>Yuran yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran serta sukan dan kokurikulum. <i>Tuition Fees related to teaching and learning, and include sports and co-curricular activities.</i></p> <p>v) Yuran makan (tahunan) – jika disediakan <i>Meal Fees (annual) – if provided</i></p> <p>vi) Yuran pengangkutan (tahunan) – jika disediakan <i>Transportation Fees (annual) – if provided</i></p> <p>vii) Yuran asrama (tahunan) – jika disediakan <i>Boarding Fees (annual) – if provided</i></p> <p>viii) Lain-lain bayaran: _____ <i>Other fees</i></p> <p>c) Yuran pembangunan tidak boleh dikenakan kepada murid. <i>Development/ Building fee cannot be charged to the pupils.</i></p> <p>d) Sebarang kenaikan yuran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar berdasarkan syarat berikut: <i>Any changes to the fee structure must be approved by the Registrar General based on:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) perakuan pendaftaran yang belum tamat tempoh; <i>a valid school registration;</i> ii) tiga (3) tahun selepas kelulusan terakhir diberikan; dan <i>the current fee has exceeded 3 years from the previous approval; and</i>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>iii) kadar kenaikan maksimum sebanyak 30 peratus sahaja. <i>fee increase at a maximum rate of not more than thirty percent (30%).</i></p> <p>e) Sebarang kenaikan deposit tidak dibenarkan. <i>No increase in deposit is allowed.</i></p>
13.	<p>Pematuhan kepada Peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] <i>Adherence to the Educational Act 1996 (Act 550)</i></p>	<p>a) Seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan: <i>Section 79 Educational Act 1996 (Act 550) states that:</i></p> <p>“Semua institusi pendidikan hendaklah didaftarkan.” <i>“All educational institutions to be registered.”</i></p> <p>b) Subseksyen 86(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan: <i>Subsection 86(1) Educational Act 1996 (Act 550) states that:</i></p> <p>“Tiada seorang pun boleh mempromosikan sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainya, melainkan jika institusi pendidikan itu telah didaftarkan atau perakuan pendaftaran sementara telah dikeluarkan di bawah subseksyen 81(1).” <i>“No person shall promote an educational institution, whether by advertisement, prospectus, brochure or otherwise, unless the educational institution has been registered or a provisional certificate of registration has been issued under subsection 81(1).”</i></p> <p>c) Subseksyen 132(2)(g) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan: <i>Subsection 132(2)(f) Educational Act 1996 (Act 550) states that:</i></p> <p>“Seseorang yang bertindak sebagai pengelola atau pekerja di institusi pendidikan yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan. <i>“A person who being a governor or person responsible for the management of an education institution causes or permits any person to act as governor or a person responsible for the management, or as an employee, of the educational institution without being registered under this act shall be guilty of an offence.</i></p>

BIL. <i>No.</i>	PERKARA <i>Item</i>	SYARAT-SYARAT <i>Conditions</i>
		<p>d) Subperaturan 17(2) Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 menyatakan: <i>Subregulation 17(2) Education (Registration Of Educational Institutions) Regulations 1997 states:</i></p> <p>“Sebarang perubahan kepada apa-apa yuran atau bayaran lain yang dikenakan oleh sesuatu institusi pendidikan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.” <i>“Prior approval of the Registrar General shall be obtained before any change to any fee or other payment imposed by an educational can be made.”</i></p>

Dis'13/Jan'14/Mac'14/Okt'17/Jan'11/Jan'20

Dikemaskini pada 24 Mei 2021.
Updated 24 May 2021



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

- Dokumen Tamat –
- End of Document -